

# MAHKAMAH LULUS RAYUAN UNDANG LUAK JELEBU

Kerana tidak berkuasa bicarakan  
kes perlantikannya — Raja Azlan

OLEH  
ZAHARANI ASRAN.

**K**UALA LUMPUR 26 Sept. — Mahkamah Persekutuan hari ini meluluskan rayuan Undang Luak Jelebu Datuk Musa bin Wahab bahawa mahkamah tidak berkuasa membicarakan kes perlantikan Undang.

Empat orang Hakim Persekutuan menerima rayuan itu sementara Ketua Hakim Negara Tun Sulfian Hashim menolaknya dan mereka semua memberikan keputusan yang berasingan dengan Pemangku Ketua Hakim Tan Sri Raja Azlan Shah mendahului keputusannya pagi ini diikuti oleh yang lain.

Ahli-ahli panel hakim yang lain termasuklah Tan Sri Salleh Abas, Ibrahim Manan dan Hashim Yeop Sani.

Tan Sri Raja Azlan Shah dalam keputusannya berkata Dewan Keadilan di Negeri Sembilan telah merestui perlantikan Undang Luak Jelebu Yang Ke-15.

Katanya "pada pandangan saya mahkamah tidak patut campur tangan dalam tugas Dewan. Saya juga berpendapat bahawa Dewan adalah tempat yang lebih sesuai untuk memutuskan perkara itu".

Fasal 16 Perlembagaan Negeri Sembilan mewujudkan satu "Dewan Keadilan" untuk memberi nasihat berhubung dengan adat Melayu di Negeri Sembilan atau perkara-perkara lain yang dirujuk oleh Yang Dipertuan Besar atau raja-raja memerintah.

Undang Luak Jelebu telah merayu ke Mahkamah Persekutuan setelah Mahkamah Tinggi Seremban menolak permohonannya dikemukakan 3 April lepas.

Undang itu, Datuk Musa bin Wahab bersama Datuk Menteri Othman bin Baginda melalui peguam-peguam N. Ramachandran dengan dibantu oleh Encik Ariffin Jaka dan Joseph Chia telah mengemukakan 18 alasan rayuan.

Antaranya bahawa Hakim Mahkamah Tinggi itu silap dari segi perundangan memutuskan mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar dan menentukan sah atau tidak perlantikan Undang Luak Jelebu itu.

Kes ini bermula apabila tujuh dari lapan Datuk Lembaga Adat Luak Jelebu membantah perlantikan Datuk Musa sebagai Undang Ke-15.

Mereka telah keluar dari istiadat mengadap sebaik saja Encik Musa, 43, diumumkan sebagai Undang oleh Datuk Menteri Mengku Shah Alam Raja Sehari bin Baginda.

Tan Sri Azlan dalam keputusan itu menyatakan soal pokok kes ini ialah sama ada mahkamah patut mengisytiharkan bahawa perlantikan Undang itu sah atau tidak.

Pengisytiharan itu ialah satu penyelesaian yang menggunakan budibicara, dan dalam kes-kes yang sesuai mahkamah boleh menolaknya.

Sebenarnya kes ini hanyalah bersabit dengan tafsiran Fasal 71 Perlembagaan Persekutuan dan Fasal 14 dan 16 Perlembagaan Negeri Sembilan.

Fasal 71 menjamin hak "raja sesuatu negeri untuk mewarisi, memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan.

Fasal 14 Perlembagaan Negeri Sembilan menyatakan bahawa pemilihan Undang hendaklah mengikut adat luak masing-masing, kata Tan Sri Azlan Shah lagi.

Sebenarnya hak-hak ini telah wujud lama sebelum perlembagaan-perlembagaan itu dibuat. Pemilihan Undang telah dibuat mengikut adat luak berkenaan sejak zaman berzaman, kata hakim.

"Pada pandangan saya Perlembagaan Negeri Sembilan telah digubal untuk melindungi adat lama itu," kata Tan Sri Azlan Shah.

Sementara itu Tan Sri Salleh Abas juga berpendapat mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa dalam perkara ini.

Tambah Tan Sri Salleh, Perlembagaan Negeri Sembilan mengakui bahawa perlembagaan dan adat purbakala negeri itu terus menerus boleh dipakai asalkan perlembagaan dan adat itu tidak menyalahi Perlembagaan Negeri (Perkara 32), sebahagian daripada perlembagaan adat purbakala itu ialah prinsip raja memerintah.

Di sini ada lima orang pembesar memerintah di samping seorang raja yang diberi gelaran "Yang Dipertuan Besar" Negeri Sembilan, dan bukannya sebagai "sultan" sebagaimana raja-raja bagi negeri-negeri lainnya.

Pembesar memerintah ini ialah Datuk Undang Luak Sungai Ujong, Datuk Undang Luak Jelebu, Datuk Undang Luak Johol, Datuk Undang Luak Rembau dan Tengku Besar Tampin.

Yang Dipertuan Besar dipilih oleh keempat-empat orang Undang manakala Datuk-Datuk Undang pula dipilih mengikut adat resam tiap-tiap luaknya sendiri.

Baginda Yang Dipertuan Besar, Datuk-Datuk Undang dan Tengku Besar Tampin serta orang-orang besar yang lain adalah menjadi anggota kepada Dewan Keadilan dan Undang.

Dewan ini ialah satu hasil yang dicapai daripada perkembangan politik dan perlembagaan yang panjang dalam Negeri Sembilan, mengandungi unsur-unsur dan nilai tradisi yang masih lagi dihidupkan oleh perlembagaan itu.

Dalam rayuan ini Hakim Persekutuan ini berpendapat pertikaian mengenai perlantikan Undang Jelebu itu telah dirujuk kepada Dewan Keadilan dan Dewan telah memutuskan, maka perkara itu pun sudahlah tamat.



**DATUK MUSA WAHAB**

Kata hakim itu lagi, perkataan "merestui perlantikan" yang digunakan dalam minit mesyuarat untuk merakamkan keputusan Dewan pada akhir persidangan yang tertutup pada fikirannya adalah bererti bahawa Dewan mempunyai pendapat yang sama dan bersetuju sahnya perlantikan perayu (Undang Jelebu).

"Saya memutuskan di sini bahawa Dewan mempunyai kuasa membuat keputusan itu maka dengan nasihat yang telah dikeluarkan itu, perkara ini sudahlah tamat," kata Tan Sri Salleh Abas.

Mahkamah Keadilan tidak mempunyai bidang kuasa membicarakan pertikaian ini dan hakim ini membenarkan rayuan.

Hakim Tan Sri Ibrahim Manan dan Datuk Hashim Yeop Sani juga berpendapat mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa mendengar kes pertikaian ini.

Sementara itu Ketua Hakim Negara menolak rayuan Datuk Undang Luak Jelebu dan menekankan bahawa mahkamah mempunyai bidang kuasa membicarakan kes Undang sebagai yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan atau negeri.

Tambah Tun Suffian lagi mahkamah boleh mendengar pengaduan yang dibuat Datuk Lembaga Adat, di Luak Jelebu mengenai perlantikan Undang Luak Jelebu Yang Ke-15 yang telah melanggar adat.

Untuk memutuskan sama ada pengaduan itu berasas atau sebaliknya maka mahkamah harus mengetahui lebih dahulu bagaimana sebenarnya yang dikatakan adat di Luak Jelebu itu.

Mahkamah terpaksa mendengar pengaduan itu dengan seberapa adil yang boleh walaupun ianya satu perkara yang rumit.